

## **Inap Desa sebagai Satu Agen Pembangunan Sosioekonomi Komuniti: Menelusuri Perspektif Pelajar-Pelajar Pengurusan Pelancongan UUM**

*Homestay as a Socioeconomic Community Development Agent: From UUM Tourism  
Management Students' Perspective*

Mohamad Zaki Ahmad ([zaki.ahmad@uum.edu.my](mailto:zaki.ahmad@uum.edu.my))

Johan Afendi Ibrahim ([afendi@uum.edu.my](mailto:afendi@uum.edu.my))

Kolej Sastera dan Sains

Universiti Utara Malaysia,

06010 Sintok, Kedah.

(Kedua-dua penulis adalah pelajar PhD di LESTARI, UKM)

Norria Zakaria ([norria@uum.edu.my](mailto:norria@uum.edu.my))

Kolej Perniagaan

Universiti Utara Malaysia,

06010 Sintok, Kedah.

### **ABSTRAK**

Industri pelancongan negara terbukti menjadi antara penyumbang utama kepada pendapatan negara sejak lebih sedekad yang lalu. Pelbagai usaha dan perancangan sedang dan telah direncanakan terutamanya oleh pelbagai agensi kerajaan bagi terus memajukan industri ini terutamanya dalam meningkatkan sumbangannya terhadap aspek pembangunan sosioekonomi masyarakat Malaysia. Inap desa atau lebih dikenali sebagai *homestay* merupakan salah satu daripada produk pelancongan desa yang terdapat di Malaysia dan menjadi satu program yang sering mendapat perhatian kerajaan dan agensi berkaitan sejak kebelakangan ini. Dengan jumlah peserta dan jumlah bilik yang ditawarkan semakin meningkat, sektor inap desa negara yang telah menjana pendapatan hampir RM10.9 juta pada tahun 2009 ini amat berpotensi menjadi satu agen pembangunan sosioekonomi terutamanya bagi masyarakat luar bandar. Berdasarkan laporan tugas kursus pelajar-pelajar Pengurusan Pelancongan Universiti Utara Malaysia (UUM) tentang pembangunan sektor inap desa bagi beberapa negeri di Semenanjung Malaysia, aspek-aspek seperti definisi dan konsep inap desa, perkembangan dan pembangunan pelancongan inap desa, analisis *SWOT* serta impak-impak pembangunan inap desa akan dibincang dan diperjelaskan.

Katakunci: Pelancongan, Inap Desa, Impak Sosioekonomi Masyarakat, Perspektif Pelajar

### **ABSTRACT**

*Tourism industry has proven to be one of the national major income contributors over the last decade. Efforts and planning considerations have been undertaken mainly by various government agencies to further develop this industry, particularly to enhance its contribution towards socioeconomic development of Malaysian society. "Inap desa" or popularly known as homestay is one of the rural tourism products in Malaysia and has emerged as a program that often gets the attention of government and its related agencies in recent years. As the number of participants, as well as number of rooms offered is on the rise, the country's homestay sector that generated revenues close to RM10.9 million in 2009 has great potentials to become an agent for socioeconomic development, particularly for rural communities. Based on reports of coursework by students of Tourism Management Universiti Utara Malaysia (UUM) on the development of homestay for several states in Peninsular Malaysia, aspects such as definition and concept of homestay, growth and development of homestay tourism, SWOT analysis and impacts of homestay development will be discussed and further clarified.*

*Keywords: Tourism, Homestay, Community Socioeconomic Impacts, Students' Perspective*

## PENGENALAN

Sejak sedekad yang lalu, industri pelancongan terus kukuh menjadi antara penyumbang terbesar kepada pendapatan negara. Bukan hanya sumbangan terhadap memperkukuhkan sektor ekonomi negara, malahan industri pelancongan juga turut menyumbang terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Malahan, dapat dilihat bahawa masyarakat luar bandar atau masyarakat desa pada hari semakin membangun dan lebih maju berusaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka supaya tidak lagi terpinggir dan keluar dari belunggu kemiskinan. Pelbagai usaha telah dan sedang diambil oleh beberapa agensi kerajaan melalui Kementerian-Kementerian yang berkaitan untuk membantu masyarakat luar bandar menikmati faedah melalui aktiviti dan pembangunan pelancongan di tempat mereka. Terkini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui “Model Baru Ekonomi Luar Bandar” (2011) *mensasarkan untuk membangun dan memperluaskan potensi Inap Desa di 500 buah kampung sebagai langkah penjenamaan pelancongan luar bandar dan memeta Inap Desa sebagai ikon pelancongan negara*. Langkah dan inisiatif ini dijangka akan dapat mencipta lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar dan seterusnya dapat mengurangkan pengaliran keluar guna tenaga ‘anak-anak muda kampung’ ke bandar-bandar.

Langkah Kerajaan memberikan fokus yang lebih besar bagi membangunkan inap desa ini juga adalah tepat memandangkan industri pelancongan negara tidak hanya tertumpu kepada bandar-bandar besar, pulau, tasik dan pantai semata-mata. Ini adalah kerana sumberjaya alam semulajadi dan warisan budaya yang terdapat di kawasan luar bandar juga mempunyai keunikan dan nilai yang tinggi untuk dihargai dan berpotensi menarik lebih ramai pelancong untuk ke sana. Melalui pembangunan Pelancongan Desa, komuniti setempat atau masyarakat luar bandar diberi peluang untuk sama-sama terlibat dalam menjayakannya. Hasilnya, secara tidak langsung Pelancongan Desa telah dapat menjana ekonomi masyarakat setempat dan sekaligus membantu kerajaan dalam usaha membasmi kadar kemiskinan dan pengangguran. Justeru, dalam konteks ini, inap desa boleh memainkan peranan bagi membantu pihak Kerajaan mencapai aspirasi dan hasrat yang berkenaan.

Dalam usaha untuk mencapai hasrat negara, beberapa program pembangunan telah dan sedang dilaksanakan, antaranya Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar, Program Pembangunan Pelancongan di Luar Bandar dan Program Inap Desa. Program Inap Desa atau ‘*homestay*’ merupakan salah satu daripada program yang dijalankan untuk memajukan kawasan luar bandar yang amat memerlukan penglibatan komuniti untuk menjayakannya. Ia diwujudkan adalah bertujuan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat luar bandar untuk menyertai sektor pelancongan negara. Menurut Kementerian Pelancongan, sehingga Oktober 2010, sejumlah 138 inap desa, 2,987 pengusaha inap desa dan 4,042 bilik di 225 kampung seluruh negara sudah didaftarkan secara sah bagi menjalankan perniagaan inap desa berdasarkan peraturan dan syarat yang ditetapkan. Jumlah ini dijangka akan meningkat saban tahun memandangkan *trend* dan permintaan terkini terhadap inap desa yang semakin menggalakkan. Untuk tempoh yang sama, seramai 128,000 pelancong yang datang ke Malaysia, terutamanya dari Singapura, Jepun, Korea dan Eropah, telah memilih untuk mengikuti Program Inap Desa kerana tertarik dengan budaya hidup di kampung (Zunaidah Zainon, 2010).

Menyedari peri pentingnya inap desa di negara ini terutamanya sebagai pemangkin pembangunan masyarakat luar bandar, satu tugas kursus telah dirangka kepada pelajar-pelajar Pengurusan Pelancongan Universiti Utara Malaysia. Sejak enam semester yang lepas, para pelajar yang mengambil Kursus Perancangan dan Pembangunan Pelancongan ditugaskan untuk membuat lawatan dan membuat pemerhatian di inap desa pilihan mereka. Kesenambungan daripada lawatan tersebut, mereka dikehendaki menyediakan satu laporan berkenaan inap desa yang telah mereka lawati dengan memberikan penekanan terhadap beberapa aspek tertentu dan seterusnya mengemukakan pandangan, komen dan saranan bagi tujuan penambahbaikan dan meningkatkan ‘kualiti’ Inap Desa yang berkenaan. Pemerhatian pelajar secara langsung di inap desa ini membantu mereka untuk menghasilkan cadangan yang lebih mantap terutamanya apabila ianya turut digabungkan dengan ‘ilmu’ yang diajar di dalam kelas. Justeru, kertas ini akan membincang dan menjelaskan aspek-aspek seperti definisi dan konsep inap desa, perkembangan dan pembangunan pelancongan inap desa, analisis *SWOT* serta impak-impak pembangunan inap desa menurut perspektif para pelajar berkenaan atas kapasiti mereka sebagai bakal “pemimpin masa hadapan”.

## METODOLOGI: ANALISIS “CONTENT” LAPORAN KERJA KURSUS

Kursus Perancangan dan Pembangunan Pelancongan (SHZL3023) merupakan satu kursus Teras yang ditawarkan kepada para pelajar Pengurusan Pelancongan di Universiti Utara Malaysia. Antara lain kursus ini memberikan pendedahan kepada pelajar terhadap aspek perancangan dalam konteks

pelancongan, bentuk-bentuk pembangunan pelancongan, impak pelancongan dan penglibatan komuniti dalam perancangan dan pembangunan pelancongan.

Untuk hampir enam semester, para pelajar yang mengambil kursus ini diberikan satu kerja kursus untuk menguji pemahaman dan kepekaan mereka terhadap sektor inap desa negara. Di samping mengaplikasikan kebolehan menganalisa, mereka juga didorong untuk memberikan komen dan saranan ilmiah terhadap pemerhatian mereka di inap desa yang dipilih. Pelajar yang telah dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil yang dianggotai antara tiga hingga lima orang ahli dikehendaki menyediakan laporan kerja kursus dengan memberikan penekanan terhadap aspek-aspek berkenaan inap desa yang mereka pilih seperti: latar belakang inap desa (lokasi, ciri-ciri fizikal, flora dan fauna, bentuk dan ciri-ciri sumberjaya semulajadi, persekitaran sedia ada dan guna tanah), ciri-ciri penduduk tempatan (jantina, kumpulan umur, bangsa dan kaum, tahap pendidikan, bilangan isi rumah, taraf perkahwinan, pekerjaan dan pendapatan), carta organisasi dan aktiviti-aktiviti inap desa, pendapatan tahunan hasil aktiviti inap desa, penglibatan agensi kerajaan, dan analisis SWOT (kekuatan, kelemahan, peluang, ancaman). Kumpulan-kumpulan kecil ini kemudiannya dikehendaki membentangkan laporan mereka pada minggu pembentangan untuk berkongsi dan bertukar maklumat serta pandangan dengan rakan-rakan mereka yang lain.

Melalui kerja kursus ini, para pelajar secara tidak langsung dapat mengalami sendiri pengalaman berada di inap desa yang mereka pilih, justeru membuat penilaian dan akhirnya mencadangkan langkah-langkah dan tindakan yang perlu diambil bagi mengukuhkan dan menambahbaik sektor inap desa negara. Secara tidak langsung, sebagai “*stakeholders*” para pelajar dapat memahami dan mempertimbangkan faktor-faktor yang berkaitan dalam proses membuat keputusan. Pendedahan ini juga membantu mereka ketika membuat analisis terhadap kekuatan kelemahan, peluang dan ancaman inap desa pilihan mereka. Malahan, pengalaman yang amat bernilai ini secara tidak langsung mendedahkan kepada mereka peluang-peluang yang ditawarkan secara langsung atau tidak langsung oleh sektor inap desa di samping ‘membuka jalan’ kepada mereka untuk menjadi bakal usahawan inap desa yang professional suatu hari nanti.

Sepanjang enam semester dijalankan, tugas kursus ini berjaya menghasilkan enam puluh (60) laporan yang kemudiannya dibentangkan oleh para pelajar yang berkenaan. Antara inap desa yang telah dilawati dan dibuat pemerhatian oleh kumpulan-kumpulan pelajar berkenaan ialah Kampung Ujung Bukit dan Kampung Wang Kelian di Perlis; Kampung Relau, Pulau Tuba dan Kampung Wang Tok Rendong Langkawi, Kampung Raga, Kampung Jeruju, Homestay D’Belimbing Kuala Nerang, Kampung Relau dan Kampung KEDA Ulu Legong di Kedah; Kampung Mengkuang Titi, Homestay Pulau Betong dan Homestay Pulau Aman di Pulau Pinang; Homestay Sungai Haji Dorani, Homestay Banghuris dan Pulau Ketam di Selangor; Homestay Pelegong di Negeri Sembilan; dan Homestay Nelayan Pantai Suri di Kelantan.

Bagi tujuan penghasilan kertas persidangan ini, kaedah analisis “*content*” (*content analysis*) telah dibuat bagi mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan melalui laporan tugas kursus yang telah dihasilkan para pelajar berkenaan. Kreativiti, pemikiran kritis, dan pengaplikasian teori serta ilmu yang diajar di dalam kelas oleh pelajar dalam membuat penilaian, analisa dan seterusnya cadangan-cadangan yang berkaitan telah dinilai dengan sewajarnya. Maklumat-maklumat yang berkaitan akhirnya dikumpulkan untuk disesuaikan di bawah sub topik kertas persidangan ini iaitu: Inap Desa: Definisi dan Pendekatan Konsep, Potensi Impak dan Perkembangan Inap Desa Negara, Analisis SWOT, dan Cadangan untuk Penambahbaik Program Inap Desa.

## INAP DESA: DEFINISI DAN PENDEKATAN KONSEP

Pada dasarnya, “inap desa” merupakan istilah yang dipersetujui dalam konteks pelancongan bagi merujuk kepada konsep *homestay* mengikut “acuan” negara ini. Sebelum istilah inap desa digunakan secara rasmi, istilah *homestay* telah lama digunakan secara meluas malahan ianya masih digunakan sehingga hari ini. Namun, istilah inap desa atau *homestay* bagi negara ini mempunyai maksud dan tafsirannya yang tersendiri dan berbeza dengan *homestay* dalam konteks negara-negara lain. Negara-negara yang berlainan mempunyai konsep, definisi dan fokus *homestay* yang berbeza, justeru ianya juga bermaksud fungsi *homestay* juga adalah berbeza mengikut negara-negara berkenaan; sebagai contoh konsep *homestay* di Australia dan New Zealand lebih memfokuskan kepada penginapan rumah perladangan manakala di United Kingdom dan Amerika Syarikat ia selalu dikaitkan dengan motivasi untuk meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris di kalangan pelajar antarabangsa. Jadual 1 menyenaraikan konsep-konsep *homestay* yang berbeza di beberapa buah negara. Walaubagaimanapun, idea keseluruhan berkenaan *homestay* ini masih lagi sama iaitu ianya berkaitan dengan penyediaan kemudahan penginapan kepada pelancong. Secara umumnya, *homestay* adalah berbeza berbanding

kemudahan penginapan lain seperti hotel, motel atau “*bed and breakfast*” yang dibina dan dibangunkan di lokasi-lokasi yang sememangnya menjadi tumpuan ramai seperti di bandaraya-bandaraya, pusat-pusat bandar atau di lokasi berhampiran lebuh raya utama, sedangkan lokasi umum bagi *homestay* pula adalah di kawasan luar atau pinggir bandar di mana masyarakat setempat masih lagi mengamalkan cara hidup dan budaya tempatan.

Antara pengertian konsep *homestay* antarabangsa ialah:

- *Homestay* merupakan satu bentuk pelancongan yang melibatkan pelajar program pengajian luar negara menyewa bilik dari sebuah keluarga tempatan untuk mempelajari cara hidup masyarakat setempat dengan lebih baik di samping meningkatkan keupayaan bahasa asing mereka. ([en.wikipedia.org/wiki/Homestay](http://en.wikipedia.org/wiki/Homestay))
- Sebuah rumah tempat tinggal pemilik yang menawarkan penginapan kepada tetamu berbayar; sistem di mana pelajar antarabangsa dari luar negara tinggal bersama keluarga pemilik kediaman pada harga yang berpatutan. ([en.wiktionary.org/wiki/homestay](http://en.wiktionary.org/wiki/homestay))
- Satu pilihan penginapan di mana pelajar antarabangsa tinggal bersama sebuah keluarga Amerika di rumah milik keluarga berkenaan. Pelajar antarabangsa berpeluang meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris dan membolehkan mereka didedahkan dengan cara hidup sebenar di Amerika Syarikat. ([www.usaeducationguides.com/guidance/articles/080707-glossar...](http://www.usaeducationguides.com/guidance/articles/080707-glossar...))
- Pilihan penginapan yang melibatkan tinggal di sebuah rumah persendirian, di mana tetamu membayar sewa kepada pemilik rumah. Pilihan ini sering ditawarkan kepada mereka yang mengembara dengan tujuan untuk mempelajari bahasa asing. ([www.ytrip.org.ph/resources/so-you-know-and-you-dont-get-lost...](http://www.ytrip.org.ph/resources/so-you-know-and-you-dont-get-lost...))

Menurut Amran Hamzah (2010), di Malaysia definisi rasmi bagi inap desa mengikut Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (MOCAT, 1995) ialah: ‘...di mana pelancong tinggal bersama dengan keluarga tuan rumah dan mempelajari gaya hidup serta budaya mereka samada secara langsung atau tidak langsung’. Inap desa juga merupakan satu bentuk pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah yang telah didaftarkan di bawah Kementerian Pelancongan yang menawarkan peluang kepada para pelancong untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup seharian masyarakat kampung serta dapat mempelajari warisan budaya masyarakat setempat. Malahan, pelancong bukan sahaja berpeluang untuk menikmati suasana perkampungan tradisional tetapi juga dapat mengetahui serta mempelajari gaya hidup dan rutin harian masyarakat tempatan. Dalam konteks ini, inap desa tidak boleh dikategorikan sepenuhnya sebagai kemudahan penginapan semata-mata memandangkan tumpuan utamanya adalah terhadap aspek “cara hidup dan pengalaman”, merangkumi aspek budaya dan kegiatan ekonomi komuniti setempat.

Elemen yang terdapat dalam program ini turut meliputi penyediaan makanan kepada tetamu, memasak dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti bersama dengan keluarga angkat demi mewujudkan keserasian antara tuan rumah dan tetamu yang berbeza latar belakang kehidupan dan kebudayaan. Melalui interaksi yang mesra, tuan rumah dan tetamu akan lebih saling kenal-mengenal antara satu sama lain serta dapat mempelajari sesuatu yang baru mengikut perspektif masing-masing. Program Inap Desa ini juga membolehkan tetamu untuk menyertai kegiatan harian atau aktiviti rutin tuan rumah di samping memberikan peluang kepada mereka untuk menikmati keindahan dan keunikan alam semulajadi di samping dapat menjalankan pelbagai aktiviti kebudayaan tradisional masyarakat tuan rumah. Umumnya inap desa yang berbeza pastinya menawarkan bentuk-bentuk aktiviti yang berlainan bergantung kepada aspek-aspek setempat seperti lokasi, budaya, kepelbagaian makanan dan kegiatan ekonomi. Setiap sebuah negeri di Malaysia mempunyai keunikan dan tarikannya tersendiri; dari Tarian Canggung di negeri Perlis hinggalah keindahan Kinabalu dan keasyikan Tarian Sumazau di Sabah serta Tarian Ngajat dan keunikan hidup di Rumah Panjang Sarawak. Antara aktiviti yang boleh dilakukan dan disertai oleh para tetamu inap desa di seluruh negara adalah seperti di Jadual 2.

## POTENSI IMPAK DAN PERKEMBANGAN INAP DESA NEGARA

Secara umumnya, Inap Desa mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan berdasarkan reputasinya yang mampu memberi impak positif kepada komuniti setempat terutamanya dari segi ekonomi. Pembukaan inap desa di kawasan luar bandar mampu menawarkan peluang kepada penduduk tempatan untuk menjana pendapatan sekaligus dapat meningkatkan pendapatan isi rumah penduduk. Melalui penglibatan ini juga, kawasan luar bandar dapat dibangunkan dan dimajukan terutamanya dalam meningkatkan kualiti kemudahan asas serta penyediaan dan pembinaan baru

kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan. Justeru, dalam usaha untuk membangunkan program ini dengan lebih bermakna, penglibatan secara menyeluruh pelbagai pihak (*stakeholders*) adalah amat diperlukan memandangkan perkara yang penting dalam pembangunan program ini bukanlah berkisar kepada persoalan ‘apakah’ tetapi ‘bagaimanakah’ untuk membangunkannya. Tanpa garis panduan yang jelas dikhuatitiri pembangunan inap desa tidak dapat mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan.

Pelancongan sebagai satu industri yang dinamik dapat menawarkan komuniti dalam semua bentuk dan saiz termasuklah komuniti luar bandar yang terlibat dengan inap desa, peluang-peluang pembangunan yang unik. Walaubagaimanapun, dalam sesetengah kes tertentu pembangunan pelancongan tidak semestinya sesuai untuk setiap komuniti. Secara umumnya, impak pelancongan adalah sama ada ianya positif atau negatif bergantung kepada ciri-ciri kawasan berkaitan (jenis dan sejauh mana pelancongan telah dimajukan) dan ciri-ciri masyarakat setempat (penerimaan terhadap kesan-kesan berkenaan). Dalam membincangkan potensi impak-impak pelancongan daripada pembangunan inap desa, tidak terkecuali ianya turut dibincangkan dari sudut ekonomi, sosiobudaya dan persekitaran (alam sekitar). Malahan, bagi kebanyakan impak pelancongan, secara umumnya saiz, sifat dan had bagi impak pelancongan adalah bergantung kepada faktor-faktor berikut:

- Jumlah aktiviti pelancong berbanding aktiviti masyarakat setempat
- Tahap kepadatan atau keselerakan aktiviti pelancong di kawasan berkaitan
- Tempoh dan sifat hubungan pelancong dengan komuniti
- Kestabilan atau sensitiviti struktur ekonomi, sosial dan persekitaran setempat
- Persamaan atau perbezaan antara masyarakat tempatan dan pelancong
- Bagaimana baik pelancongan dirancang, dikawal dan diuruskan.

Dalam pembangunan inap desa, dapat dilihat bahawa potensi impak ekonomi yang besar telah menyumbang kepada penjanaaan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk dan penjanaaan pendapatan yang lebih baik melalui aktiviti-aktiviti inap desa yang ditawarkan kepada pelancong. Malahan, melalui pembangunan inap desa yang terancang, pelancongan secara tidak langsung dapat membantu melindungi alam sekitar, menjaga dan memulihara aspek warisan budaya serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat. Namun, sekiranya inap desa dibangunkan secara *ad hoc* tanpa perancangan yang berkesan dan menyeluruh, pembangunan pelancongan ini juga berupaya menyumbang impak-impak negatif. Inskeep (1991) menyenaraikan impak-impak ekonomi, sosiobudaya dan persekitaran berkaitan pembangunan dan aktiviti pelancongan secara umum seperti di Jadual 3.

Pembangunan Program Inap Desa perlu diteruskan memandangkan ianya banyak menyumbang impak yang positif bagi sesuatu kawasan di samping ianya memerlukan penglibatan dan penyertaan penduduk tempatan bagi tujuan pengurusan dan pelaksanaannya. Tambahan pula, Program Inap Desa merupakan Pelancongan Berasaskan Komuniti atau *Community-Based Tourism* (CBT). Program Inap Desa di Malaysia yang berasaskan komuniti adalah antara program pelancongan yang berpotensi untuk mencapai objektif pembangunan lestari sekiranya dirancang dengan baik’ (Kalsom Kayat & Nor Ashikin, 2006).

Menurut Haji Muhammad Farid Saad, Pengerusi Homestay Pulau Pinang: ‘Inap desa merupakan program pelancongan yang fleksibel, berskala kecil serta diusahakan sendiri oleh penduduk tempatan di mana keuntungan yang dinikmati adalah terus kepada komuniti tanpa menjejaskan nilai dan cara kehidupan seharian mereka.’ Justeru, di kebanyakan inap desa seluruh negara, kewujudan Program Inap Desa ini turut dapat membantu penduduk setempat untuk memajukan aktiviti pertanian mereka seperti galakan dan khidmat nasihat untuk aktiviti penternakan atau penanaman dan promosi tanaman seperti ubi kayu, keledak, pisang serta buah-buahan tempatan yang lain. Selain aktiviti pertanian, penduduk juga boleh menceburi bidang perniagaan seperti Perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) melalui penjualan produk hasil pertanian seperti kerepek ubi dan pisang, ikan pekasam, tempoyak dan sebagainya. Dalam hal ini, IKS bukan sahaja menjadi tarikan baru inap desa yang berkenaan malahan ianya juga turut membuka peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan dan membantu menjana pendapatan tambahan masyarakat setempat. Dengan keupayaan IKS menembusi pasaran global, Program Inap Desa dilihat mampu menjana “kesan pengganda” (*multiplier effects*) kepada banyak pihak terutamanya komuniti setempat.

Jika sebelum ini kebanyakan penduduk luar bandar hanya bergantung kepada aktiviti pertanian sebagai sumber ekonomi mereka, tetapi dengan wujudnya Program Inap Desa masyarakat kampung di’limpah’kan peluang untuk menceburi dan mengusahakan aktiviti ekonomi baru yang berkaitan sektor pelancongan. Dengan cara ini juga mereka mampu untuk mendapatkan pendapatan sampingan dan mereka tidak lagi hanya bergantung kepada aktiviti pertanian semata-mata. Secara tidak

langsung, melalui program ini juga kemudahan asas serta infrastruktur lain akan dapat ditingkatkan untuk memberi keselesaan bukan sahaja kepada pelancong malahan masyarakat setempat sebagaimana diperkatakan oleh Clayton dan Jose (1999): “komuniti setempat akan turut menerima faedah daripada pembangunan hasil dari pelaksanaan aktiviti pelancongan”. Menurut Haji Muhammad Farid lagi: “Faedah inap desa bukan sahaja berbentuk kewangan malah ianya juga dalam bentuk bukan kewangan (*non-monetary benefit*). Contohnya adalah seperti dapat merapatkan hubungan antara anggota masyarakat, meningkatkan rasa bangga, semangat kerjasama, keceriaan kampung serta dapat mengurangkan gejala sosial di kalangan remaja. Ia juga merupakan satu kaedah membasmi kemiskinan yang efektif”.

Program Inap Desa ini juga turut diyakini mampu untuk memelihara dan memulihara sumber alam semulajadi serta warisan budaya sekiranya kaedah pembangunan mapan diterap dan dilaksanakan dalam keseluruhan peringkat pembangunannya. Wanhill (1997) percaya bahawa secara dasarnya konsep pembangunan pelancongan lestari atau mapan turut menerapkan elemen keprihatinan dan kesedaran terhadap penggunaan sumber warisan alam semulajadi dan budaya secara berhemah dalam setiap bentuk pembangunan pelancongan. Justeru, penglibatan dan komitmen tinggi daripada penduduk setempat amatlah diperlukan dalam menjayakan gagasan pembangunan inap desa yang mapan agar kerosakan dan kemusnahan alam semulajadi dan elemen warisan budaya dapat dikurangkan atau dielakkan. Aspek pemilihan pelancong yang “bertanggungjawab” (*responsible tourist*) turut perlu ditekankan agar pembangunan inap desa ini berada di landasan yang kondusif bagi mencapai objektif kemapanan.

Dalam hal ini, menurut Persatuan Homestay Malaysia, antara pelancong yang menjadi sasaran utama pasaran inap desa di Malaysia adalah pelancong dari Jepun dan Korea, manakala bagi pelancong domestik pula kebanyakannya adalah terdiri daripada golongan pelajar sekolah dan juga pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Selain itu, pelancong dari Eropah juga dilihat turut mencatatkan kadar kedatangan yang paling kerap ke inap desa di negara ini. Hal ini adalah disebabkan para pelancong sasaran yang berkenaan mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kelestarian dalam industri pelancongan memandangkan secara umumnya golongan ini merupakan individu-individu yang berpendidikan yang prihatin dan mempunyai kesedaran terhadap keunikan serta keindahan alam semulajadi yang terdapat di kawasan luar bandar, malahan mereka-mereka ini juga terdorong untuk menambah ilmu pengetahuan melalui pengalaman. Nuchnard (1998) percaya bahawa apabila wujud kesedaran ini maka mereka akan lebih terdorong untuk melawat ke kawasan yang masih mengekalkan nilai keaslian dan mempunyai pengalaman yang bermakna yang tidak ternilai. Nuchnard juga yakin bahawa sekiranya apa yang mereka jangkakan dapat dipenuhi maka golongan pelancong ini pasti akan datang semula ke tempat (inap desa) berkenaan.

Dalam konteks kelestarian, nilai keaslian dan pengalaman yang bermakna adalah merujuk kepada nilai budaya dan adat resam yang masih lagi dipegang, diamal dan dipelihara oleh sesuatu masyarakat yang sudah pastinya agak sukar untuk ditemui di kawasan bandar. Maka “pengalaman bermakna” di sini bermaksud pengalaman mengenai gaya hidup masyarakat yang pelbagai yang amat sukar dan tidak mungkin ditemui di tempat asal pelancong, manakala “budaya” pula secara ringkasnya merupakan sesuatu nilai yang perlu dipelihara agar ia dapat dikekalkan untuk generasi akan datang. Oleh itu, dengan wujudnya Program Inap Desa, secara tidak langsung budaya masyarakat setempat di negara ini dapat terus dipelihara dan dikekalkan.

Menurut Hamzah (1997), dipercayai bahawa evolusi Program Inap Desa atau *homestay* negara bermula seawal tahun 1970-an di Kampung Cherating Lama, Pahang apabila seorang wanita kampung berkenaan yang dikenali sebagai Mak Long Teh telah menawar dan menyediakan kemudahan penginapan di rumah kampungnya kepada sekumpulan pelancong “drifter” (*hippies*). Di samping penginapan, Mak Long Teh juga turut menyediakan sarapan dan makan malam ala “kampung” kepada para tetamunya. Pada awal kemunculannya, peletakan atau lokasi asal kebanyakan *homestay* adalah di sepanjang pantai dan berlatar belakang suasana kampung tradisi. Kejayaan dan perkembangan positif program *homestay* peringkat awalnya juga telah menarik banyak pihak sehinggakan ianya diletakkan di bawah pengawasan dan penyeliaan Kementerian Pertanian, dan seterusnya telah dijadikan pemangkin untuk pembangunan ekonomi luar bandar bersesuaian dengan konsep pelancongan agro.

Program *homestay* kemudiannya diperkenalkan pada tahun 1988 sebagai satu usaha mempelbagaikan produk pelancongan bukan sahaja kepada pelancong domestik malahan kepada pelancong antarabangsa. Pada tahun 1995, Program Homestay Malaysia secara rasminya telah dilancarkan di Desa Murni Kerdu, Temerloh Pahang oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada ketika itu. Program ini yang juga merupakan salah satu program di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar adalah bermatlamat untuk menggalakkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam sektor pelancongan di samping mempromosikan keunikan warisan budaya serta sumberjaya alam negara kepada pelancong. Justeru, kampung-kampung yang terpilih untuk terlibat

dalam program inap desa ini perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan.

Setelah hampir 16 tahun dilancarkan secara rasmi, program pelancongan inap desa yang diperkenalkan kerajaan ini semakin mendapat sambutan menggalakkan. Ketika berucap melancarkan promosi e-pemasaran inap desa di Felda Sungai Tenggi, Timbalan Perdana Menteri memaklumkan bahawa jumlah pendapatan inap desa Malaysia meningkat 77 peratus kepada RM10.9 juta pada tahun 2009, berbanding RM6.4 juta pada tahun 2008 (Berita Harian, 19 April 2010). Menurut beliau lagi, jumlah pelancong yang mengikuti program inap desa pula melonjak 77 peratus kepada 161,561 yang terdiri daripada 130,038 pelancong domestik dan 31,523 pelancong asing. Antara tempoh Januari hingga Oktober 2010 pula, inap desa negara berjaya menarik 143,404 pelancong tempatan dan antarabangsa untuk merasai sendiri kehidupan di kawasan kampung seluruh negara. Menurut Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr Ng Yen Yen seramai 37,320 daripadanya adalah pelancong antarabangsa iaitu peningkatan sebanyak 51 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu, dengan majoriti pelancong dari Singapura, Jepun, Eropah, Australia dan Korea. Jumlah pendapatan pengusaha inap desa pula turut mencatatkan peningkatan memberangsangkan iaitu sebanyak 11.5 peratus menjadikannya RM8.9 juta dalam tempoh terbabit pada tahun 2010 berbanding RM8 juta bagi tempoh sama pada tahun 2009. Malahan, purata kadar penginapan bagi inap desa juga menunjukkan peningkatan dari 19 peratus bagi Januari hingga Oktober 2009 kepada 22.7 peratus dalam tempoh sama bagi tahun 2010. Di dalam blog rasminya Datuk Seri Dr Ng Yen Yen memaklumkan bahawa: *Kementerian Pelancongan menyasarkan industri inap desa untuk menyumbang sebanyak lima peratus daripada pendapatan sektor pelancongan negara pada 2020, berbanding hanya 0.7 peratus pada 2007.*

## ANALISIS SWOT

Secara umumnya Analisis SWOT (*Strengths* – Kekuatan, *Weaknesses* – Kelemahan, *Opportunities* – Peluang, *Threats* – Ancaman) adalah satu model asas yang menyediakan petunjuk dan arah serta berfungsi sebagai asas untuk pembangunan plan pemasaran. Analisis ini juga merupakan langkah penting dalam perancangan walaupun nilainya kadangkala dipandang rendah oleh pihak-pihak tertentu. Peranan Analisis SWOT adalah untuk mengambil maklumat daripada analisis persekitaran dan kemudiannya membahagikan maklumat ini kepada isu-isu dalaman (kekuatan dan kelemahan) dan isu-isu dalaman (peluang dan ancaman). Setelah langkah dan proses ini selesai dilakukan, Analisis SWOT akan menentukan sama ada maklumat ini menunjukkan sesuatu yang akan membantu organisasi atau destinasi dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan terlebih dahulu (dalam konteks “kekuatan” atau “peluang”); atau maklumat tersebut menunjukkan kekangan atau rintangan yang perlu diatasi atau diminimumkan untuk mencapai keputusan yang dikehendaki (kelemahan atau ancaman).

Untuk menilai keadaan persekitaran industri pelancongan, analisis SWOT adalah salah satu kaedah yang paling berguna. Dalam menganalisa masalah pemasaran perniagaan berkaitan pelancongan dan seterusnya membuat keputusan yang tepat, maklumat berkaitan empat aspek ini – Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman, adalah amat diperlukan. Secara relatifnya, sektor-sektor dan perniagaan berkaitan pelancongan mudah untuk dipengaruhi oleh keadaan atau faktor dalaman (*internal conditions*) dan juga oleh perubahan positif atau negatif keadaan atau faktor persekitaran luaran. Memandangkan struktur sektor pelancongan yang “rapuh”, adalah sesuatu yang amat penting untuk analisis SWOT ini untuk dilaksanakan. Sebagai contoh, destinasi pelancongan adalah mudah dipengaruhi oleh isu alam sekitar, masalah kesesakan ketika musim puncak, perubahan *trend* dan citarasa pelancong, munculnya destinasi, tarikan dan aktiviti pelancongan baru, dan isu-isu keselamatan serantau seperti peperangan dan serangan pengganas. Malahan, isu-isu berkenaan boleh menyebabkan kurangnya permintaan dalam masa yang amat singkat. Sekiranya tiada tindakan atau usaha untuk mengatasi masalah tersebut, destinasi yang berkenaan akan terjejas dan akhirnya akan gagal untuk terus menarik pelancong.

Berdasarkan laporan tugas kursus yang berkenaan, analisis SWOT terhadap inap desa pilihan pelajar-pelajar berkenaan adalah seperti di Jadual 4. Faktor-faktor yang disenaraikan dalam jadual berkenaan merupakan antara faktor-faktor paling tinggi kekerapannya yang dinyatakan dalam laporan tugas kursus mereka.

## CADANGAN UNTUK MENGEKALKAN KEBERKESANAN PROGRAM INAP DESA

Adalah sesuatu yang sukar untuk mengekalkan keberkesanan Program Inap Desa negara oleh kerana terdapat banyak halangan yang boleh membantutkan usaha ini. Dalam konteks ini, halangan dilihat sebagai faktor yang berupaya menyebabkan kadar kedatangan pelancong berkurangan dan atas sebab inilah banyak pengusaha inap desa di Malaysia sukar “bertahan” untuk satu jangkamasa yang panjang. Keberkesanan Program Inap Desa boleh diukur melalui dua faktor iaitu faktor penarik dan faktor penolak seperti diilustrasikan oleh Rajah 1. Faktor penarik merupakan tarikan yang perlu ada untuk memastikan keberkesanan program manakala faktor penolak merupakan faktor yang menolak atau menghalang keberkesanan program.

### Faktor penolak

Antara faktor penolak dalam pembangunan Program Inap Desa ialah sistem pengurusan dan pentadbiran yang lemah. Yahaya Ibrahim dan Abdul Rasid (2009) menekankan bahawa inap desa bukan hanya melibatkan penduduk semata-mata malahan ianya turut melibatkan pihak atasan dan ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang juga berperanan mengurus tadbir sesebuah kampung secara keseluruhannya. Mereka juga perlu merancang bagaimana untuk meningkatkan ekonomi penduduk sekaligus untuk memajukan kampung berkenaan. Dibeibani dengan tanggung jawab dan peranan sedia ada, adalah agak sukar bagi para ‘pengurus’ ini merancang strategi untuk memastikan program tersebut berjaya. Selain itu, pihak pengurusan juga perlu memastikan bahawa penggunaan istilah ‘*homestay*’ tidak disalahguna oleh sesetengah pihak. Penyalahgunaan istilah ini mampu memberi kesan yang negatif terhadap pembangunan Program Inap Desa. Pihak-pihak berwajib lain yang terlibat juga perlu memantau isu ini kerana istilah ‘*homestay*’ tidak boleh digunakan secara berleluasa bagi penginapan yang disewakan semata-mata kerana ianya sama sekali bertentangan dengan konsep asal inap desa itu sendiri.

‘Halangan terbesar dalam inap desa adalah kurangnya strategi pemasaran yang mantap bertujuan untuk mempromosi dan mengkomersialkan produk-produk yang terdapat dalam Pelancongan Inap Desa ini.’ (Clayton dan Jose, 1999). Berdasarkan pemerhatian pelajar-pelajar berkenaan didapati bahawa usaha promosi dan pemasaran yang dijalankan masih belum mencukupi untuk menarik lebih ramai kedatangan pelancong ke inap desa yang mereka lawati. Masalah ini dipercayai mempunyai kaitan dengan kurangnya maklumat mengenai cara hidup masyarakat luar bandar di kalangan para pelancong yang membuatkan mereka tidak bersedia untuk tinggal bersama tuan rumah yang akhirnya menyebabkan pengalaman yang mereka perolehi adalah tidak seperti apa yang mereka jangkakan. Keadaan ini juga dikatakan terjadi akibat daripada kurangnya promosi yang dijalankan. Maka, kebanyakan pelajar berkenaan percaya bahawa promosi merupakan antara halangan yang terbesar dalam keberkesanan Program Inap Desa.

Halangan seterusnya ialah kualiti kemudahan dan infrastruktur yang kurang memuaskan di beberapa inap desa yang dilawati. Faktor kemudahan dan infrastruktur yang baik adalah amat penting bagi pembangunan inap desa yang berdaya maju untuk menarik lebih ramai bilangan pelancong untuk datang ke sana. Dalam konteks ini, sistem perhubungan seperti kemudahan jalan raya yang baik, bekalan air bersih dan bekalan elektrik yang mencukupi, kemudahan komunikasi yang berkesan, penyediaan lampu jalan, hospital dan kemudahan-kemudahan awam lain perlu dipastikan dapat disediakan pada kadar yang memuaskan. Faktor penyediaan kemudahan dan infrastruktur ini sangat dititik beratkan terutamanya oleh para pelancong yang sentiasa mahukan keselesaan semasa menjalankan aktiviti di inap desa pilihan mereka.

Persaingan juga merupakan antara faktor penolak yang berupaya membantutkan keberkesanan Program Inap Desa kerana program ini perlu bersaing dengan produk Pelancongan Desa yang lain seperti Pelancongan Agro dan Pelancongan Eko yang turut menyediakan pengalaman yang hampir sama berasaskan alam sekitar. Para pelajar percaya bahawa persaingan ini perlu diatasi agar pelancong lebih tertarik untuk menyertai inap desa antaranya dengan menawarkan dan memasukkan aktiviti-aktiviti Pelancongan Agro dan Pelancongan Eko dalam pakej inap desa. Dengan cara ini, pelbagai aktiviti akan dapat dijalankan di inap desa sekaligus akan dapat menarik lebih ramai pelancong. Selain itu, persaingan dengan inap desa palsu juga perlu ditangani pada kadar segera kerana inap desa palsu boleh menjejaskan Program Inap Desa yang “sah” memandangkan pelancong akan mudah terdorong membuat tafsiran yang salah mengenai konsep asal inap desa negara. Dalam konteks ini, inap desa palsu merupakan kemudahan penginapan yang disewakan kepada pelancong tanpa memenuhi syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib. Hal ini bertentangan dengan konsep asal Program Inap Desa yang mensyaratkan para pelancong untuk tinggal bersama tuan rumah yang menawarkan kemudahan penginapan, berinteraksi serta turut menjalankan aktiviti harian bersama



penduduk tempatan. Sekiranya fenomena ini tidak dikekang, inap desa palsu bakal menjadi ancaman besar kepada Program Inap Desa negara.

Kekurangan aktiviti yang pelbagai dan menarik di beberapa buah inap desa juga merupakan faktor penolak yang boleh membantutkan usaha untuk meningkatkan keberkesannya. Banyak faktor lain yang menghalang inap desa luar bandar ini untuk menawarkan lebih banyak aktiviti pelancongan; antaranya masalah kekangan sumber kewangan, masalah logistik dan pengangkutan ke bandar-bandar utama, dan masalah kekurangan 'pengurus acara' yang berketrampilan di kebanyakan inap desa yang berkenaan. Oleh itu, pengisian program dan aktiviti-aktiviti yang menarik dan kreatif perlu dirancang dan ditawarkan untuk meningkatkan motivasi pelancong untuk datang dan menyertai inap desa di seluruh negara. Memandangkan pelancong lebih tertarik kepada aktiviti yang menarik, unik dan bermakna, maka inap desa perlu mempunyai aktiviti yang pelbagai terutamanya untuk mengisi masa senggang bersama pelancong.

Komunikasi antara tuan rumah dan tetamu dianggap sebagai salah satu aspek penting untuk memperolehi pengalaman inap desa. Antara masalah utama yang dihadapi oleh tuan rumah adalah halangan kemahiran menguasai bahasa asing yang merupakan elemen terpenting untuk komunikasi secara berkesan dengan tetamu atau pelancong. Sekiranya tuan rumah (pengusaha dan peserta inap desa) tidak mempunyai kemahiran menguasai bahasa selain Bahasa Melayu, maka tuan rumah bakal berhadapan dengan kesulitan atau kekangan untuk berinteraksi secara berkesan dengan tetamu mereka. Oleh itu, sekurang-kurangnya tuan rumah perlu mempelajari dan menguasai Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua bagi memudahkan dan melancarkan komunikasi mereka dengan para pelancong. Walaupun sebahagian besar peserta atau pengusaha inap desa dilihat sukar untuk menguasai Bahasa Inggeris kerana mereka tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, namun ini tidak boleh dijadikan alasan untuk menghalang mereka mempelajari Bahasa Antarabangsa tersebut demi mengelakkan masalah komunikasi ketika mereka menerima dan melayan tetamu terutamanya dari kalangan pelancong asing.

### **Faktor penarik**

Faktor penarik merupakan faktor yang perlu dilaksanakan untuk menjamin keberkesanan Program Inap Desa. Sebagai contoh, lokasi strategik inap desa yang terletak di kawasan luar bandar mampu menyediakan suasana yang tenang dan damai serta jauh dari kesibukan bandar di samping mempunyai masyarakat yang hidup bersatu padu dan masih mengamalkan budaya masyarakat tempatan. Lokasi seperti ini mampu menarik pelancong terutamanya dari kalangan mereka yang ingin merasai pengalaman tinggal bersama komuniti baru yang mengamalkan budaya hidup yang berbeza daripada apa yang mereka amalkan. Kebiasaannya lokasi inap desa adalah terletak berhampiran dengan tarikan pelancongan untuk memastikan pelancong dapat menjalankan aktiviti pelancongan lain selain daripada menjalani rutin harian bersama tuan rumah dan penduduk tempatan (Yahaya Ibrahim & Abdul Rasid, 2009).

Selain itu, keunikan budaya dan keindahan alam sekitar juga merupakan kekuatan bagi program ini terutamanya untuk menarik minat pelancong yang amat menghargai khazanah alam dan warisan budaya global. Sesungguhnya, pelancong lebih tertarik untuk melawat inap desa terutamanya yang mempunyai budaya yang berbeza untuk mereka merasai sendiri pengalaman menjalani cara hidup masyarakat yang berbeza budaya dan warisannya. Jika bijak dirancang dan ditawarkan dengan baik kepada tetamu, faktor ini mampu untuk meningkatkan lagi keberkesanan program inap desa ini.

Seperti dinyatakan sebelum ini, aktiviti atau pengisian program yang menarik juga mampu menjamin keberkesanan program inap desa memandangkan kepelbagaian aktiviti dan program yang unik dan menarik mampu menjadi tarikan bagi para pelancong. Antara aktiviti yang boleh ditawarkan ialah sukan rakyat dan permainan tradisional, berbasikal dengan mengenakan sarung mengelilingi kampung, memancing dan menangkap ikan secara tradisional, sesi membuat kuih dan masakan tradisional, lawatan ke kebun tanam-tanaman di kampung yang berkenaan dan lain-lain aktiviti yang berbeza atau tidak terdapat di tempat asal tetamu.

Selain menguasai sekurang-kurangnya Bahasa Inggeris asas, pengusaha dan peserta inap desa juga perlu mempunyai sikap "hospitaliti" atau "layan tetamu" yang tinggi. Justeru, para peserta inap desa ini wajar untuk diterapkan dengan nilai hospitaliti yang baik agar pelancong atau tetamu akan sentiasa selesa dengan layanan mesra yang diberikan oleh tuan rumah. Sesungguhnya, layanan mesra dan ikhlas daripada peserta inap desa adalah penting kerana ia menggambarkan sifat dan sikap masyarakat luar bandar yang amat menghargai dan menghormati tetamu. Faktor ini juga adalah penting agar pelancong berpuas hati dengan layanan yang diberikan sepanjang mereka bersama tuan rumah dan masyarakat sekeliling, malahan ia akan membuatkan mereka merasa selesa seperti berada di rumah sendiri

## KESIMPULAN

## RUJUKAN

- Amran Hamzah. (2010). *Malaysian Homestays From the Perspective of Young Japanese Tourist: the Quest for Furusato*. CIPD Monograf 2. Universiti Teknologi Malaysia : Skudai.
- Berita Harian. 2010. 19April.
- Burton, R. (1995). *Travel Geography : Second Edition*. London: Pitman Publishing.
- Clayton, C., Jose, G.D.S. (1999). *Tourism in Rural Area As a New Opportunity For Small farmers*. UNICAMP. Campinas.
- Epperson, A. (1983). Why people travel. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*, April, 53-54.
- Erin, C., Tracey, M., Martha, G. (1999). *To Homestay or To Stay Home: The Canadian-Japanese Experience*, University of Alberta : Kanada.
- Godfrey, K. and Clarke, J. (2000). *The Tourism Development Handbook: A Practical Approach to Planning and Marketing*. London: Continuum.
- Goeldner, C. R. and Ritchie, J. R. B. (2003). *Tourism: principles, practices, philosophies*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Hamzah, A. (1997). The evolution of small-scale tourism in Malaysia: problems, opportunities and implications on sustainability. In Stabler, M.J. (Ed.), *Tourism and Sustainability: Principles and Practices* (pp. 199-218). CAB International: Wallingford.
- Heena, A., Tania, V.B., Yasmine, H., Graeme, B. (2002). *Evaluating the QUT Homestay Program – Lessons Learnt In Providing Quality Services To International Students*, Queensland University of Technology : Brisbane.
- Inskeep, E. (1991). *Tourism planning: an integrated and sustainable development approach*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Johan Afendi Ibrahim dan Mohamad Zaki Ahmad. (2010). *Perancangan dan Pembangunan Pelancongan*. Sintok Kedah Darul Aman: Universiti Utara Malaysia.
- Kalsom Kayat dan Nor Ashikin. (2006), *Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Kajian Ke Atas Program Homestay Di Kedah*. Tesis Tidak Diterbitkan. Fakulti Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar, Universiti Utara Malaysia : Sintok.
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (2011). Model Baru Ekonomi Luar Bandar.
- Kementerian Pelancongan Malaysia (2009). Garis Panduan Pendaftaran Homestay Malaysia.
- Kementerian Pelancongan Malaysia (2009). Statistik Kedatangan Pelancong.
- Lickorish, L. J. and Jenkins, C. L. (1999). *An introduction to tourism*. London: Butterworth-Heinemann.
- Malaysia (1995) Garis panduan Penyediaan Homestay, Ministry of Culture, Arts and Tourism: Kuala Lumpur.
- Malaysia (2001) Rural Tourism Master Plan. Ministry of Culture, Arts and Tourism: Kuala Lumpur
- Mathieson, A. and Wall, G. (1982). *Tourism: economic, physical and social impacts*. Singapore: Longman Singapore Publishers (Pte) Ltd.
- Ministry of Tourism (2009). Homestay Statistic 2009.
- Ministry of Tourism (2009). Tourist Statistic 2009.
- MOCAT. (1995). Garis Panduan Penyediaan Homestay, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan: Kuala Lumpur.
- Muhammad Farid. (2009). *Pengurusan Homestay Sebagai Satu Produk pelancongan*. Bengkel Pembangunan Destinasi Pelancongan 2009, Universiti Sains Malaysia.
- Nickerson, N. P. (1996). *Foundations of Tourism*. New Jersey, Prentice Hall.
- Nuchnard, R. (1998). *Rural Tourism – The Impact on Rural Communities II Thailand*. Universiti Kasetsart.
- Tosun, C. (2006). *Expected Nature of Community Participation In the Tourism Development*. Tourism Management.
- Wanhill, S. (1997). *Introduction – Tourism Development: Environment and Community Issues*. John Wiley & Sons : New York.
- Yahaya Ibrahim & Abdul Rasid. (2009). *Homestay Program and Rural Community Development in Malaysia*. vol 2. Universiti Malaysia Terengganu.
- Zunaidah Zainon. (2010). *Galak Khidmat Homestay Terbaik*. Artikel Utusan Malaysia.

JADUAL 1: Konsep *Homestay* di Beberapa Negara

NEGARA	KONSEP <i>HOMESTAY</i>
Canada	<i>Cultural Homestay, Farmstay, Heritage Homestay</i>
Amerika Syarikat	<i>Agricultural Homestay, Educational Homestay</i>
Australia	<i>Farmstay</i>
Japan	<i>Home Visit, Educational Homestay</i>
Korea Selatan	<i>Educational Homestay</i>
Afrika Selatan	<i>Leisurestay</i>
New Zealand	<i>Cottage Homestay, Farmstay</i>
Filipina	<i>Cultural Homestay</i>
Thailand	<i>Student Homestay, Cultural Homestay, Volunteer Homestay</i>
Singapura	<i>Urban Homestay</i>
Indonesia	<i>Cultural Homestay, Leisure Homestay</i>

Sumber: Pazin (2004) di dalam Amran Hamzah (2010)

JADUAL 2: Aktiviti untuk Tetamu Inap Desa

AKTIVITI UNTUK TETAMU INAP DESA	
<b>Budaya dan Cara Hidup</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Sejarah</li> <li>❖ Tarian, lagu dan makanan tradisional</li> <li>❖ Permainan dan sukan rakyat</li> <li>❖ Budaya: perkahwinan, acara keramaian, kenduri</li> </ul>	<b>Kegiatan Ekonomi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Menoreh getah</li> <li>❖ Penternakan ikan</li> <li>❖ Pertanian: padi, koko, kelapa sawit, buah-buahan</li> </ul>
<b>Leisure</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <i>Sightseeing</i></li> <li>❖ <i>Jungle tracking</i></li> <li>❖ <i>White water rafting</i></li> <li>❖ Melawat tarikan berdekatan</li> </ul>	<b>Pemuliharaan Alam Sekitar</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Program Plant a Tree (PAT): Setiap pelancong digalakkan untuk menanam sebatang pokok di inap desa yang mereka lawat untuk menyumbang memulihara alam sekitar di samping mengindahkan lanskap inap desa yang dikunjungi</li> </ul>

Sumber: <http://www.virtualmalaysia.com/destination/top%205%20malaysia%20homestays.html>

JADUAL 3: Impak Umum Pelancongan

Impak Ekonomi
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peluang pekerjaan</li> <li>• Meningkatkan pendapatan</li> <li>• Pertukaran matawang asing</li> <li>• Pendapatan Kerajaan melalui cukai</li> <li>• Kos infrastruktur</li> <li>• Peningkatan harga barangan</li> <li>• Gangguan struktur ekonomi dan gunatenaga</li> <li>• Kebocoran ekonomi (<i>leakages</i>) ke luar Negara</li> </ul>
Impak Sosiobudaya
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemuliharaan warisan budaya</li> <li>• Desan demonstrasi (<i>Demonstration effect</i>)</li> <li>• Gangguan kepada struktur dan pengagihan populasi</li> <li>• Pertukaran silang budaya</li> </ul>


• Peluang pendidikan
• Aspek keselamatan dan kawalan
• Masalah social
• Kualiti hidup masyarakat
• Kesesakan
Impak Persekitaran
• Pemuliharaan sumberjaya alam semulajadi dan buatan
• Memperbaiki kualiti alam sekitar dan infrastruktur
• Meningkatkan daya tarikan alam sekitar
• Meningkatkan kepekaan kepada alam sekitar
• Pencemaran air, udara, bunyi dan pemandangan
• Masalah pembuangan sisa
• Gangguan ekologi
• Masalah kegunaan tanah

Sumber: Inskip (1991).

JADUAL 4: Analisis SWOT (Kekuatan Kelemahan Peluang dan Ancaman) Inap Desa

<b>KEKUATAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Tarikan semulajadi dan warisan budaya</li> <li>➤ Harga pakej yang berpatutan</li> <li>➤ Menjana peluang pekerjaan kepada penduduk</li> <li>➤ Meningkatkan pendapatan</li> <li>➤ Kerjasama, keramahan dan kemesraan penduduk</li> <li>➤ Membantu usaha membasmi kemiskinan</li> <li>➤ Memberi peluang kepada wanita dan golongan belia untuk terlibat</li> <li>➤ Melahirkan rasa bangga penduduk kerana dihargai</li> <li>➤ Merapatkan hubungan antara anggota masyarakat</li> <li>➤ Mengurangkan masalah sosial remaja dalam masyarakat</li> <li>➤ Melahirkan usahawan kecil-kecilan dalam masyarakat dan berpotensi berkembang</li> </ul>
<b>KELEMAHAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pentadbiran dan pengurusan yang lemah</li> <li>▪ Kemudahan infrastruktur yang kurang lengkap</li> <li>▪ Kurang pendedahan dan kurang kefahaman tentang perniagaan pelancongan</li> <li>▪ Kekurangan modal, kemahiran dan ciri keusahawanan</li> <li>▪ Terlalu bergantung kepada bantuan luaran</li> <li>▪ Masalah komunikasi</li> <li>▪ Kurang jaringan dengan pemain industri pelancongan</li> <li>▪ Servis yang tidak <i>standard</i> dan kurang berkualiti</li> <li>▪ Kurang promosi dan strategi pemasaran yang mantap</li> </ul>
<b>PELUANG</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Sokongan dan bantuan Kerajaan</li> <li>❖ Menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam</li> <li>❖ Memberikan pendapatan sampingan</li> <li>❖ Membuka peluang keusahawanan</li> <li>❖ Berkongsi aspek kebudayaan dan cara hidup antara tetamu dan keluarga angkat</li> <li>❖ Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sumberjaya alam sekitar dan warisan budaya</li> <li>❖ Peningkatan Penerbangan Tambang Murah dan pakej pelancongan yang menarik</li> <li>❖ Memperkuatkan jati diri dan keyakinan diri</li> </ul>
<b>ANCAMAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persaingan daripada Pelancongan Agro dan Pelancongan Eko</li> <li>• Kejutan budaya kepada masyarakat kampung</li> <li>• Eksploitasi oleh pihak-pihak luar</li> </ul>

- Persaingan
- Kemunculan inap desa 'palsu'



RAJAH 1: Faktor Penarik dan Faktor Penolak yang Mempengaruhi Keberkesanan Program Inap Desa